

Fidyah Puasa

Definisi

Perkataan fidyah berasal dari kalimah Arab iaitu (فَدَىٰ – يَقْدِيْ – فِدَىٰ) yang bermaksud memulihkan atau membuat kesimpulan. Kalimah الفِدْيَةُ merupakan kata nama yang bererti suatu pemberian yang diberi oleh orang yang berfidyah. Menurut Kamus Dewan, fidyah diertikan sebagai suatu denda atau tebusan yang dikenakan kepada seseorang kerana meninggalkan sesuatu fardu atau kerana melanggar syarat ibadat tertentu. Manakala secara istilah, fidyah merupakan suatu ganti rugi untuk satu kesalahan yang melibatkan amal ibadat tertentu yang lazimnya dibayar dalam bentuk wang, makanan asasi atau haiwan.

Pendalilan fidyah

Dalam hal ini, dalil umum mengenai fidyah puasa diambil dari surah al-Baqarah ayat 184:

أَيَّامًا مَعْدُودَاتٍ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرٍ وَعَلَى الَّذِينَ يُطْبِقُونَهُ فِدْيَةً طَعَامٌ مِسْكِينٌ فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ وَأَنَّ تَصُومُوا خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ١٨٤

Maksudnya: "(iaitu) dalam beberapa hari yang tertentu, maka jika ada di antara kamu yang sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. Dan wajib bagi orang-orang yang berat menjalankannya (jika mereka tidak berpuasa) membayar fidyah (iaitu) memberi makan seorang miskin. Barangsiapa yang mengerjakan kebaikan dengan kerelaan hati, maka itulah yang lebih baik baginya. Dan berpuasa lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahui."

Terdapat juga beberapa hadis yang turut dijadikan sebagai sandaran:

عَنْ أَبِي سَعِيدِ الْخُدْرِيِّ رضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: كُنْتُ أُؤَدِّيْ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَاعًا مِنْ طَعَامٍ.

Maksudnya: Diriwayatkan daripada Abu Said al-Khudri r.a., katanya: "Aku pernah mengeluarkan secupuk makanan pada zaman Rasulullah S.A.W."

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

رُوِيَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: مَنْ أَدْرَكَهُ الْكِبَرُ فَلَمْ يَسْتَطِعْ أَنْ يَصُومَ رَمَضَانَ فَعَلَيْهِ لِكُلِّ يَوْمٍ مُدْ مِنْ قَمْحٍ

Maksudnya: Diriwayatkan daripada Abu Hurairah, katanya: "Barangsiapa yang telah mencapai usia tua, lalu tidak mampu untuk berpuasa di bulan Ramadhan maka hendaklah baginya mengeluarkan secupuk gandum pada setiap hari (yang tidak berpuasa)."

(Riwayat al-Daraqutni)

رُوِيَ عَنْ ابْنِ عُمَرَ أَنَّهُ كَانَ يَقُولُ: مَنْ أَفْطَرَ فِي رَمَضَانَ أَيَّامًا وَهُوَ مَرِيضٌ ثُمَّ مَاتَ قَبْلَ أَنْ يَقْضِي فَلْيُطْعِمْ عَنْهُ مَكَانَ كُلِّ يَوْمٍ أَفْطَرَهُ مِنْ تِلْكَ الْأَيَّامِ مِسْكِينًا مُدَّا مِنْ حِنْطَةٍ.

Maksudnya: Diriwayatkan daripada Ibnu Umar bahwasanya dia berkata: “Barangsiapa yang berbuka di bulan Ramadhan selama sehari kerana sakit kemudian ia meninggal sebelum sempat menjadikannya maka hendaklah warisnya memberi makan kepada orang miskin daripada harta peninggalannya pada setiap hari yang ia berbuka sebanyak satu cupak daripada gandum.”

(Riwayat al-Baihaqi)

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ صِيَامٌ، صَامَ عَنْهُ وَلَيْهُ

Maksudnya: Daripada Aisyah r.a. bahwasanya Rasulullah SAW telah bersabda: “Barangsiapa yang meninggal dunia lalu mempunyai baki puasa, hendaklah walinya berpuasa bagi pihaknya.”

(Riwayat Muslim)

عَنِ ابْنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ صِيَامٌ شَهْرٌ فَلْيُطْعِمْ عَنْهُ مَكَانَ كُلِّ يَوْمٍ مِسْكِينًا

Maksudnya: Daripada Ibnu Umar r.a. bahwasanya Rasulullah S.A.W. bersabda: “Barangsiapa yang meninggal dunia lalu meninggalkan baki puasa, maka hendaklah diberi makan kepada orang miskin menurut bilangan hari (yang ditinggalkannya).”

(Riwayat al-Tirmizi)

Golongan yang perlu membayar fidyah

- Uzur/sakit yang tiada harapan sembah

Mana-mana golongan yang menghidap sesuatu penyakit yang tiada harapan untuk sembah selepas mendapat pengesahan daripada doktor lalu berusaha untuk berpuasa. Namun terdapat halangan tertentu seperti kesulitan dan sebagainya yang memerlukan dirinya untuk berbuka. Begitu juga sekiranya ia berpuasa dalam keadaan sedemikian sehingga meninggal dunia dalam bulan Ramadan. Oleh itu, para ulama telah bersepakat sekiranya penyakit yang dihadapi tidak mempunyai harapan untuk sembah maka diwajibkan membayar fidyah. Sebaliknya, jika seseorang itu menghidap penyakit yang dikenal pasti boleh membawa maut serta tidak mampu untuk berpuasa atas dorongan berkenaan maka tidak dikenakan sebarang fidyah baginya walaupun setelah meninggal dunia.

- Ibu mengandung/menyusu

Ulama telah bersepakat bahawa ibu yang mengandung dan menyusu wajib membayar fidyah berserta qada' puasa jika dikhuatiri boleh menjelaskan kesihatan bayi. Adapun sekiranya menjelaskan dirinya maka hanya diwajibkan qada' sahaja tanpa perlu membayar fidyah.

- Melewatkhan qadha puasa

Dalam hal ini, golongan yang asalnya hanya perlu menggantikan bilangan puasa yang tertinggal namun menangguhkannya sehingga tiba bulan Ramadhan pada tahun berikutnya tanpa sebarang keuzuran yang dibenarkan oleh syarak. Sekiranya ditangguh juga hingga kedatangan Ramadhan pada

tahun yang seterusnya maka bilangan fidyah tersebut digandakan kepada dua *mud* (cupak) dan diqadhakan puasa berkenaan mengikut bilangan hari yang ditinggalkannya.

Kaedah pembayaran fidyah

Mengikut kaedah dalam mazhab Syafie, pembayar fidyah perlulah mengeluarkan makanan asasi kepada golongan fakir atau miskin dengan kadar satu *mud*¹ (cupak) iaitu bersamaan 675 gram bagi setiap hari yang ditinggalkan puasa. Jika sekiranya puasa yang ditinggalkan itu mengambil masa bertahun-tahun lamanya maka nilai fidyah juga turut berganda mengikut bilangan tahun berkenaan.

Sekiranya seseorang itu meninggal dunia sebelum ia sempat mengqadhakan puasanya maka walinya akan mengqadhakan puasa tersebut. Begitu juga sekiranya individu yang meninggalkan puasa tersebut dalam keuzuran yang berterusan lalu ia meninggal dunia maka walinya (kaum kerabat) bertanggungjawab untuk mengeluarkan fidyah bagi pihaknya. Ia selaras dengan sabda Rasulullah SAW:

مَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ صِيَامٌ، صَامَ عَنْهُ وَلِيُّهُ

Maksudnya: “Barangsiaapa yang meninggal dunia lalu mempunyai baki puasa, hendaklah walinya berpuasa bagi pihaknya.”

(Riwayat Muslim)

Pembayaran fidyah berkenaan juga perlulah dengan menggunakan harta pusaka yang ditinggalkan olehnya sebelum diagihkan secara faraidh. Ia sama seperti membayar hutang.² Sekiranya si mati tidak memiliki harta maka walinya boleh mengeluarkan fidyah bagi pihaknya lalu gugurlah tanggungjawab berkenaan.

Begitu juga sekiranya seseorang itu hendak membayar fidyah bagi pihak orang lain (bukan dari ahli keluarganya) maka hendaklah terlebih dahulu mendapat keizinan daripada salah seorang ahli keluarganya. Jika dilaksanakan tanpa keizinan maka fidyah tersebut tidak sah.

Contoh pengiraan fidyah

Menurut sumber dari bahagian Mal dan Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Perak (MAIPk), harga semasa bagi satu cupak beras ialah RM1.80. Sekiranya seseorang itu telah meninggalkan puasa selama 15 hari kerana melakukan kerja-kerja berat seperti buruh kasar namun tidak mengqadhakannya selepas itu sehinggalah masuk bulan Ramadhan pada tahun berikutnya. Maka, dia perlulah mengqadhakan puasa tersebut mengikut bilangan hari yang ditinggalkan serta wajib membayar fidyah terhadap puasanya. Terdapat dua kaedah bagi pembayaran fidyah iaitu:

- 1) Mengeluarkan kadar satu cupak makanan asasi iaitu beras. Contohnya:

Satu hari bagi puasa yang ditinggalkan bersamaan satu cupak makanan asasi = 1 cupak.

Jika bilangan puasa yang ditinggalkan ialah 15 hari, maka $1 \text{ cupak} \times 15 \text{ hari} = 15 \text{ cupak}$.

Oleh itu, jumlah fidyah yang perlu dikeluarkan ialah 15 cupak beras untuk 15 hari puasa yang ditinggalkan.

¹ Dalam pengiraan masyarakat Arab, satu *mud* itu bersamaan satu gantang *Baghdad* iaitu bersamaan 675 gram. Ada sesetengah kitab menyebut dengan nilai 600 gram. Manakala nilai semasa yang setara dengannya ialah 2.7kg.

² Di dalam kitab *al-Fiqh al-Manhajiy*, jilid pertama dalam muka surat 351 disebutkan melalui nas:

فَإِنْ لَمْ يَصُمْ عَنْهُ أَخْدُ أَطْعَمَ عَنْهُ لِكُلِّ يَوْمٍ مُّدْ، وَيُنْخِرِجَ هَذَا مِنَ الْتَّرْكَةِ وَخُوبًا كَالْدُيُونَ.

Atau

Satu cupak = 675 gram

Maka, $675 \text{ gram} \times 15 \text{ hari puasa yang ditinggalkan} = \underline{10,125 \text{ gram}}$ (kadar timbangan beras)

- 2) Membayar nilai fidyah semata-mata. Contohnya:

Satu cupak = RM1.80

Maka, $\text{RM}1.80 \times 15 \text{ hari puasa yang ditinggalkan} = \text{RM}27.00$

Oleh itu, nilai fidyah puasa yang wajib dibayar ialah RM27.00 sahaja.

Golongan yang berhak menerima pembayaran fidyah

Imam al-Nawawi berpandangan hanya golongan fakir atau miskin sahaja yang berhak menerima agihan fidyah. Fidyah tersebut boleh diberi sama ada mengikut bilangan hari untuk satu golongan (sama ada fakir atau miskin) ataupun diagihkan mengikut jumlah keseluruhan hari berkenaan.

Perkara-perkara penting yang perlu diambil perhatian

1. Sekiranya puasa yang ditinggalkan itu mengambil tempoh masa yang lama seperti puluhan tahun dan sebagainya maka nilai fidyah turut berganda mengikut bilangan tahun tersebut. Sebagai contoh, si A telah meninggalkan puasa selama satu minggu selama tempoh 10 tahun maka pengiraan fidyah untuknya seperti berikut:

$1 \text{ cupak} \times 7 \text{ hari} = 7 \text{ cupak}$, maka $7 \text{ cupak} \times 10 \text{ tahun} = 70 \text{ cupak}$.

Oleh itu, si A perlu membayar 70 cupak fidyah.

2. Makanan asasi yang dimaksudkan ialah makanan utama yang menjadi pilihan penduduk setempat atau di negara berkenaan. Contoh makanan asasi di negara kita ialah beras.

Isu pembayaran fidyah melalui nilai

Harus diperingatkan bahawa fidyah mestilah dibayar dalam bentuk makanan dan bukan nilainya. Sejajar dengan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 184:

وَعَلَى الَّذِينَ يُطْبِقُونَهُ فِدْيَةً طَعَامٌ مِسْكِينٌ

Maksudnya: “*Dan wajib bagi orang-orang yang berat menjalankannya (jika mereka tidak berpuasa) membayar fidyah (iaitu) memberi makan seorang miskin.*”

Sekiranya terdapat halangan untuk mengagihkan makanan (beras) kepada fakir dan miskin seperti kesukaran untuk menemui mereka maka bolehlah dengan menyerahkannya di kaunter Majlis Agama Islam yang berhampiran dengan dinyatakan secara jelas akan tujuan tersebut.

Namun begitu, jika kadar fidyah tersebut bernilai tinggi maka bolehlah dibayar dengan nilai mata wang dengan syarat hendaklah diserahkan ke kaunter Majlis Agama Islam yang berhampiran serta diberitahu akan tujuan pembayaran tersebut. Hal ini perlu agar nilaimata wang berkenaan dapat ditukar kepada makanan asasi untuk diagihkan kepada fakir dan miskin.

Rujukan

1. Al-Bayhaqiy, Ahmad bin al-Husayn bin ‘Aliyy bin Musa. 2003. *Al-Sunan al-Kubra*. t.t.: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
2. Al-Bukhariyy, Muhammad bin Ismail. 2002. *Sahih al-Bukhariyy*. Damsyiq: Dar Ibnu Kathir.
3. Al-Khin, Mustafa et. al. 2012. *Al-Fiqh al-Manhajiy*. Damsyiq: Dar al-Qalam. Juz. 1.
4. Al-Misriyy, Jamal al-Din Muhammad bin Mukarram bin Manzur. 1990. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
5. Al-Naisaburiyy, Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairiyy. 2006. *Sahih Muslim*. Riyadh: Dar Toiyyibah.
6. Al-Nawawiyy, Muhy al-Din bin Syaraf. t.t. *Al-Majmu’*. Dar al-Fikr. Juz. 6.
7. Al-Qazwiniyy, Muhammad bin Yazid bin Majah. t.t. *Sunan Ibnu Majah*. t.t.: Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
8. Al-Zuhailiyy, Muhammad. 2011. *Al-Mu’tamad fi al-Fiqh al-Syafi’iyy*. Damsyiq: Dar al-Qalam. Juz. 2.
9. Al-Zuhailiyy, Wahabah. 1989. *Al-Fiqh al-Islamiyy wa Adillatuhu*. Damsyiq: Dar al-Fikr. Juz. 2.
10. Basmeih, Abdullah. t.t. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
11. Farhat, Yusuf Syukri. 2001. *Mu’jam al-Tullab*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
12. ______. 1994. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.